

Ruj. Kami: (56) MBPJ/090100/T/M13 Jld.5
Tarikh: 17 Mei 2012

KENYATAAN MEDIA

PERTANDINGAN AKHIR NYANYIAN GOLDEN VOICE OF PETALING JAYA 2012

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menganjurkan Pertandingan Nyanyian Golden Voice of Petaling Jaya (GVOPJ) peringkat akhir pada 25 Mei 2012 (Jumaat) di Auditorium Dewan Sivik MBPJ pada Jam 8.30 malam.

Penganjuran GVOPJ ini adalah platform untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam industri nyanyian. Terdapat dua kategori yang dipersembahkan dalam pertandingan GVOPJ iaitu kategori Senior dan kategori Junior. Seramai 7 orang peserta bagi setiap kategori Senior dan Junior akan berentap untuk bergelar Juara GVOPJ.

Bakal juara untuk kategori senior akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM4, 000.00 berserta sijil penghargaan dan untuk bakal juara kategori junior akan membawa pulang hadiah bernilai RM2, 000.00 dan sijil penghargaan.

Disamping itu juga, terdapat tiga anugerah khas akan dipertandingkan iaitu Anugerah Vokal Harapan bagi kategori junior dan Anugerah Kreativiti & Kostium Tercantik untuk kategori junior dan senior. Pemenang untuk Anugerah Vokal Harapan kategori Junior akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai bernilai RM1, 000.00 berserta sijil penghargaan. Manakala pemenang Anugerah Kreativiti & Kostium Tercantik bagi kedua-dua kategori akan membawa pulang hadiah bernilai RM1, 000.00

Pertandingan GVOPJ ini akan diadili oleh 4 orang juri profesional diketuai oleh Datuk Ramli MS dan Juliza Adlizan untuk kategori Senior. Manakala untuk kategori junior ianya akan diadili oleh Edry Hashim dan Cikgu Shafi Shariff.

MBPJ akan mengedarkan pas masuk percuma sebanyak 1000 unit dan orang ramai boleh mengambilnya di Bahagian Pelancongan, Sukan Berprestasi Tinggi dan Kebudayaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Tingkat 7 Menara MBPJ, mulai 18 Mei 2012.

GVOPJ kali ini akan dihoskan oleh 2 orang selebriti terkenal iaitu Shuib (Sepahtu) dan Nabil (Raja Lawak). Majlis penyampaian hadiah akan disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Hj. Mohamad Roslan Sakiman, Datuk Bandar MBPJ dan Tuan Puasa Md Taib, Timbalan Datuk Bandar MBPJ.

Disediakan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,
010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my